**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**ISNIN 19 FEBRUARI 2024**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TAMBAH BAIK TATAKELOLA PENGURUSAN TINGKAT INDUSTRI BERAS NEGARA, KOMENTAR, BH -11 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | NACCOL BINCANG ISU JUMAAT INI, NASIONAL, BH -7 | |
| 3. | BINCANG ISU BERAS JUMAAT INI, NASIONAL, SH -6 | |
| 4. | SEGERA CARI MEKANISME TETAPKAN HARGA BERAS-PENGILANG, NASIONAL, SH -6 | |
| 5. | NACCOL BINCANG ISU BERAS NEGARA, NEGERA, KOSMO -5 | |
| 6. | TEROKA BAKA AYAM, NANAS DAN PADI, NEGARA, KOSMO -6 | |
| 7. | MALAYSIA, IRAN TEROKAI PENYELIDIKAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -5 | |
| 8. | SELARI KENAIKAN HARGA BERAS DAN BELIAN PADI, DALAM NEGERI, UM -7 | |
| 9. | TETAPKAN HARGA BERAS 'DI PINTU' KILANG, DALAM NEGERI, UM -7 | |
| 10. | PESAWAH TERBEBAN HARGA BAHARU BERAS, DALAM NEGERI, UM -7 | |
| 11. | HENTI KELUAR KENYATAAN BERCANGGAH UNTUK ATASI ISU BERAS, NASIONAL, BH -2 | |
| 12. | ACTION COUNCUL TO DISCUSS RICE SUPPLY ISSUES, NATIONAL, THE SUN -2 | |
| 13. | M'SIA RICE SUPPLY ISSUE TO BE DISCUSSED AT NACCOL MEETING, NATION, THE STAR -2 | |
| 14. | PADI FARMER'S JOY OVER NEW CEILING PRICE SHORTLIVED, NEWS, NST -6 | |
| 15. | 'ORCHIDS CAN GENERATE RM4b EXPORT EARNINGS YEARLY', NATION, THE SUN -3 | |
| 16. | MASALAH DUKU KUALA BERANG, LOKAL, HM -11 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 17. | LADANG BABI CEMAR 2 SUNGAI DIARAH TUTUP SERTA-MERTA, NASIONAL, BH -17 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 18. | LELEHAN SISA KHINZIR, NEGARA, KOSMO -17 | |
| 19. | LADANG KHINZIR DI NEGERI JIRAN LEPAS SISA TERNAKAN, LOKAL, HM -8 | |
| 20. | SISA BABI NRENTAS NEGERI, MUKA DEPAN, SH -1 | |
| 21. | LADANG BABI PULALU PINANG LEPASKAN SISA KE SUNGAI KULIM, NASIONAL, SH -2 | |
| 22. | LADANG BABI HARAM GANGGU PENDUDUK, NASIONAL, SH -3 | |
| 23. | LADANG DIARAH TUTUP, JUMLAH BABI TERLALU BANYAK, NASIONAL, SH -3 | |
| 24. | AIR KUMBAHAN TELAH DIRAWAT SUCI UNTUK DIGUNAKAN-MUFTI, NASIONAL, SH -3 | |
| 25. | PENANG PIG FARMS CAUSING POLLUTION IN SG KULIM, NEWS, NST -8 | |
| 26. | LADANG BABI DISYAKI JADI PUNCA PENCEMARAN SUNGAI, DALAM NEGERI, UM -36 | |
| 27. | EL NINO: 600,000 PESAWAH, PEKEBUN KECIL RISIKO TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -8 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 28. | KEMARAU TIDAK JEJAS AKTIVITI PENANAMAN PADI-MADA, NASIONAL, SH -12 | |
| 29. | TANAH SAWAH KERING, MEREKAH AKIBAT EL NINO, NATIONAL, BH -13 | |
| 30. | KADA TAMBAH 150 UNIT PAM AIR DI KAWASAN SAWAH PADI, NEGARA, KOSMO -6 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 31. | INFRASTRUKTUR, KAWASAN MENYUSUT PUNCA GAGAL CAPAI SASARAN PADI KADA, DALAM NEGERI, UM -8 | |
| 32. | EL NINO: KADA TAMBAH 150 PAM 'BACKWARD', NASIONAL, SH -13 | |
| 33. | TIADA EMPANGAN PUNCA PRESTASI KADA RENDAH, NASIONAL, SH -13 | |
| 34. | KADA INVESTS IN 150 NEW PUMPS, NATION, THE STAR -6 | |
| 35. | AGROBANK MAIN PERANAN PENTING DALAM AGROMAKANAN, BISNES, SH -30 | AGROBANK |

| | | |
|---|---|---|
| 36. | KEDAH TIDAK BERHASRAT BUAT PEMBENIHAN AWAN, NEGARA, KOSMO -6 | LAIN-LAIN |
| 37. | HOMSTAYS SET TO SWEETEN VISITS WITH FRUIT FESTIVALS, NATION, THE STAR -12 | |
| 38. | SANUSI RANCANG KELUAR BERAS KEDAH, NATIONAL, BH -13 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |

# Tambah baik tatakelola pengurusan tingkat industri beras negara



Pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia

**Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim**
bhrencana@bh.com.my

**Industri** padi dan beras adalah industri yang mendapat perhatian dan penumpuan khusus kerajaan bagi menjamin keterjaminan makanan negara. Kerajaan membuat pelaburan besar kira-kira RM6.820 bilion bagi tempoh 2019 hingga 2022 membabitkan kawasan seluas 647,936 hektar untuk penanaman padi.

Namun begitu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 mendapati pencapaian program penanaman padi tidak memuaskan yang mana sasaran output pengeluaran padi dan produktiviti padi per hektar tidak tercapai. Pada masa sama, keberhasilan pengeluaran beras dan kadar sara diri beras juga tidak mencapai sasaran ditetapkan.

Jika diperhalusi LKAN 2020, rantaian pengeluaran tanaman ini berhadapan isu berulang, iaitu benih padi sah. Jumlah pengeluaran benih padi asas dikeluarkan tidak dapat memenuhi permintaan diperlukan.

Keadaan ini menyebabkan pesawah terpaksa mendapatkan bekalan benih daripada sumber lain dan seterusnya meningkatkan penggunaan benih padi tidak diiktiraf Jabatan Pertanian. Impaknya menyebabkan peningkatan padi angin dan kurang daya tahan tanaman berkenaan.

Harga jualan benih padi sah kepada pesawah melebihi harga kawalan ditetapkan antara RM35.50 hingga RM58. Pesawat tiada pilihan terpaksa membeli dengan harga ditawarkan walaupun menyedari meningkatkan kos pengeluaran.

Bagi menangani isu ini berulang, wajar setiap kawasan jelapang diberi kebenaran menghasilkan ladang benih sendiri dengan dikawal agensi berkaitan bagi menangani isu ini.

Selain itu, kelewatan penerimaan baja turut dilihat antara faktor mengganggu gugat rantaian pengeluaran makanan ini. Kelewatan penerimaan baja antara enam hingga 127 hari menyebabkan pembajaan tidak dapat dilakukan mengikut tempoh ditetapkan, sekali gus menjejaskan pertumbuhan padi serta memberi kesan kepada hasil pengeluaran.

Kegagalan penghantaran baja mengikut tempoh tumbesaran tanaman padi turut mengakibatkan lambakan berlaku, mendorong kewujudan pihak tidak bertanggungjawab mengambil jalan mudah menjual baja kepada pihak ketiga.

Justeru, proses pemutihan penerima bantuan baja padi perlu dilakukan sekerap mungkin bagi memastikan hanya pesawah tulen menerima baja subsidi.

## Ancaman proses urbanisasi

Industri padi turut diancam dengan proses urbanisasi sehingga mengorbankan tanah sawah bagi tujuan pembangunan. Situasi ini secara langsung membuka ruang kepada penggunaan tanah bagi aktiviti pembangunan lain susulan proses pewartaan tidak dilakukan.



Kesannya bagi tempoh 2011 hingga 2021, seluas 11,123 hektar tanah sawah mengalami penyusutan membabitkan empat kawasan jelapang padi di Kerian (8,222 hektar), Kedah (2,617 hektar), Terengganu (47 hektar) dan Selangor (237 hektar).

Bagi pesawah berskala kecil, keperluan kepada jentera amat diperlukan bagi membantu kerja di sawah. Jentera tidak mencukupi akan menyumbang kepada bebanan kos perlu ditanggung pesawah.

Bilangan jentera yang tidak dapat memenuhi keperluan pesawah menyebabkan kebergantungan mereka kepada pihak ketiga bagi menyediakan perkhidmatan kerja pembajakan tanah dan penuaian hasil padi. Secara tidak langsung, situasi ini memudahkan orang tengah turut serta dalam rantaian pengeluaran makanan ini.

Bagi meningkatkan pengeluaran tanaman padi, kerajaan menyediakan pelbagai skim bantuan subsidi dan insentif penanaman padi seperti Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Insentif Pengeluaran Padi dan Insentif Benih Padi Sah.

Sebagai rekod sejumlah RM3.673 bilion bagi tempoh 2019 hingga 2022 diperuntukkan bagi pelaksanaan intervensi berkenaan. Namun peruntukan disalurkan masih mempunyai baki terkumpul sebanyak RM193.34 juta dan tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar untuk mengurangkan kos pengeluaran padi.

Situasi ini menggambarkan ketidakcekapan dalam menguruskan sumber dan akhirnya memberi impak besar kepada pencapaian kadar sara diri negara dan pembangunan pesawah.

Oleh itu sudah tiba masanya, tatakelola pengurusan di setiap rantaian pengeluaran tanaman ini distruktur semula bagi memberi penekanan dan tumpuan khusus kepada agensi berkaitan berdasarkan bidang masing-masing.

Selaras Gelombang Padi mengandungi 12 inisiatif, ia diharapkan dapat mengangkat kembali industri padi dan beras ke tahap sepatutnya, impaknya dapat dikongsi dengan semua pihak terutama nasib pesawah lebih terbela.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

**Bekalan beras negara**

# NACCOL bincang isu Jumaat ini

**Papar:** Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan diadakan Jumaat ini bagi membincangkan isu kos sara hidup, terutama bekalan beras.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kementeriannya selaku urusetia NACCOL sudah mendapat pengesahan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bahawa antara perkara diangkat untuk pertimbangan adalah berkaitan bekalan beras negara.

"Sejak berkuatkuasanya Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), kuasa kawal selia padi dan beras termasuk berkaitan hala tuju bekalan dan harga terletak di bawah KPKM.

"Sebarang perubahan membabitkan dasar dan program kerajaan terkait dengan industri padi dan beras adalah di bawah tanggungjawab Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sejajar dengan perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969," katanya di sini, semalam.

**Pengumuman rasmi**

Armizan berkata, sebarang pengumuman rasmi berkaitan beras negara akan dibuat Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu atau wakil dipertanggungjawabkan selepas keputusan dibuat NACCOL dan kemudian dibawa kepada Jemaah Menteri, sekiranya keputusan itu besar serta membabitkan implikasi kewangan.

Pada masa sama, beliau berkata, menerusi kerjasama Kementerian Ekonomi iaitu melalui Jabatan Perangkaan, pihaknya juga akan mengangkat mengenai pertimbangan mewujudkan indikator kos sara hidup pada mesyuarat berkenaan.

"Jika tidak sempat dibincangkan pada mesyuarat Jumaat ini, kita akan bawa pada mesyuarat NACCOL Mac nanti. Kita ada indeks harga, tetapi sekiranya ada indikator kos sara hidup ini, kita akan dapat membuat penilaian yang lebih menyeluruh termasuk dalam konteks pengagihan bantuan kepada rakyat.

"Kita tahu setiap daerah atau wilayah, kos sara hidup adalah berbeza, harga barang termasuk kos logistik berbeza. Oleh itu kita perlu wujudkan indikator berkenaan, namun untuk mewujudkan indikator itu kita perlu melibatkan dasar kerana kita perlu melihat apa komponen yang akan dimasukkan dalam indikator berkenaan," tambahnya.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Pemuda UMNO menggesa Perdana Menteri tidak membenarkan cadangan pelaksanaan jualan Beras Putih Malaysia MADANI.

Ketuanya, Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata sekiranya Beras Putih Malaysia MADANI diwujudkan, pihaknya yakin beras putih tempatan akan terus hilang dari pasaran.

Beliau yang merupakan EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, berkata beras putih tempatan juga pada masa ini sukar didapati dalam pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Bincang isu beras Jumaat ini

## Dalam mesyuarat NACCOL yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri

PAPAR

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan diadakan Jumaat ini bagi membincangkan isu kos sara hidup terutamanya bekalan beras di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kementeriannya selaku urus setia NACCOL telah mendapat pengesahan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bahawa satu daripada perkara diangkat untuk pertimbangan adalah berkaitan bekalan beras negara.

"Sejak berkuat kuasanya Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), kuasa kawal selia padi dan beras termasuk berkaitan hala tuju bekalan dan harga terletak di bawah KPKM.

"Sebarang perubahan yang melibatkan dasar dan program kerajaan terkait dengan industri padi dan beras adalah di bawah tanggungjawab Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sejajar dengan perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program Majlis Berkhatan Peringkat Dewan Undangan Negeri Kawang di sini pada Ahad.

Armizan berkata, sebarang pengumuman rasmi berkaitan beras negara akan dibuat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu atau wakil dipertanggungjawabkan selepas keputusan dibuat NACCOL dan kemudian dibawa kepada Jemaah Menteri sekiranya keputusan itu besar serta melibatkan implikasi kewangan.

Pada masa sama, beliau berkata, dengan kerjasama Kementerian Ekonomi iaitu melalui Jabatan Perangkaan, pihaknya juga akan mengangkat mengenai pertimbangan mewujudkan petunjuk kos sara hidup pada mesyuarat berkenaan.

"Jika tidak sempat dibincangkan pada mesyuarat Jumaat ini kita akan bawa pada mesyuarat NACCOL Mac nanti. Kita ada indeks harga pengguna tetapi sekiranya ada indikator kos sara hidup ini, kita akan dapat membuat penilaian yang lebih menyeluruh termasuk dalam konteks pengagihan bantuan kepada rakyat.



ARMIZAN

"Kita tahu setiap daerah atau wilayah, kos sara hidup adalah berbeza. Harga barang termasuk kos logistik berbeza. Oleh itu kita perlu wujudkan petunjuk berkenaan, namun untuk mewujudkannya, kita perlu melibatkan dasar kerana kita perlu melihat apa komponen yang akan dimasukkan dalam petunjuk berkenaan," tambah beliau.

Mengenai kos sara hidup yang semakin membebankan, Armizan berkata, masalah berkenaan merupakan isu yang dihadapi oleh seluruh negara di dunia.

"Peningkatan kos sara hidup ini bukan sahaja berlaku di Malaysia dan kalau lihat laporan Forum Ekonomi Dunia yang baru dikeluarkan pada 2024 dan 10 tahun mendatang, antara satu isu cabaran global adalah kos sara hidup, jadi ia bukan isu yang unik untuk Malaysia tetapi dihadapi seluruh dunia," jelasnya. - *Bernama*

# Segera cari mekanisme tetapkan harga beras - Pengilang

**IPOH** - Cadangan penetapan harga siling baru bagi Beras Putih Malaysia Madani dijangka dapat memberi nilai tambah baik kepada pengilang kecil beras untuk terus beroperasi.

Pengilang dan pemborong, Mohamad Termizi Yop berkata, penetapan harga itu disifatkan sebagai situasi menang-menang kepada pihak yang terlibat dalam rantaian pengeluaran beras negara.

"Di peringkat pemborong dan pengilang, saya bersetuju dengan penetapan harga siling tunggal melibatkan beras 10 kilogram RM30, lima kilogram pada harga RM15.50 dan satu kilogram RM3.50.

"Cadangan itu dijangka dapat mengelak berlakunya manipulasi harga cuma bagi pesawah, pihak berkuasa perlu melihat harga padi yang dimainkan oleh 'orang tengah'," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohamad Termizi yang mengusahakan kilang beras sejak tahun 1994 berkata, kemelut harga beras kini memerlukan penyelesaian segera demi kesejahteraan rakyat.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu segera buat ketetapan terhadap cadangan tersebut. Perkara ini bukanlah suatu perkara baharu.

"Saya sentiasa bersedia dengan pelaksanaan cadangan yang sangat baik untuk semua pihak," jelasnya.

Bagi pengilang, Muhammad Ajmal Mohd Adnan, kerajaan perlu mencari mekanisme terbaik dalam menyelesaikan harga beras negara.

"Cadangan yang dikemukakan Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal itu agak memeningkan rakyat. Ramai terkeliru hingga ada mengatakan ia adalah untuk jualan Madani sahaja.

"Sekiranya harga itu ditetapkan, saya melihat ia kurang relevan. Pelbagai faktor perlu dilihat terutama di peringkat pesawah iaitu harga racun, baja, benih padi dan lain-lain dalam pengeluaran padi," ujarnya.

Jelas beliau, sebaiknya kerajaan perlu menangani peranan orang tengah yang mengawal bekalan padi.

"Kajian menunjukkan pengeluaran padi dan beras merosot sejak tiga tahun kebelakangan ini. Faktor-faktor inilah yang perlu dilihat terlebih dahulu sebelum kerajaan menetapkan harga baru," tambahnya.




**Laporan *Sinar Harian* mengenai isu beras.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | KOSMO | NEGARA | 5 |




ARMIZAN (kanan) ketika menyampaikan sumbangan pada Majlis Berkhatan Peringkat Dewan Undangan Negeri Kawang di Papar semalam.

Mesyuarat Khas berlangsung 23 Februari ini

# NACCOL bincang isu beras negara

Oleh IVAN AMIRUL

**PAPAR** – Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membincangkan mengenai isu beras negara bakal diadakan pada Jumaat ini.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan NACCOL, Datuk Armizan Mohd Ali.

Armizan berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selaku urusetia NACCOL sudah mendapat pengesahan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bahawa salah satu perkara yang akan diangkat untuk pertimbangan adalah berkaitan bekalan beras negara.

"Kuasa kawal selia padi dan beras termasuklah berkaitan hala tuju bekalan serta harga terletak di bawah KPKM sejak berkuatkuasanya Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"Oleh itu, sebarang perubahan yang melibatkan dasar dan program kerajaan yang terkait dengan industri padi dan beras merupakan tanggungjawab Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Ia sejajar dengan Perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969," katanya ketika ditemui media sempena Majlis Berkhatan Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kawang semalam.

Sementara itu, Armizan menyatakan kos sara hidup juga antara isu yang bakal diutarakan dalam mesyuarat itu nanti.

Armizan berkata, ia termasuklah saranan bagi mewujudkan indikator kos sara hidup.

"Melalui indikator ini, kita bukan sahaja boleh melihat indeks harga pengguna yang spesifik tetapi mampu melakukan penilaian secara menyeluruh dalam konteks pengagihan bantuan kepada rakyat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# Malaysia, Iran terokai penyelidikan makanan

**PETALING JAYA:** Malaysia dan Iran mencapai kata sepakat untuk meneroka dan memulakan gerak kerja penyelidikan berkaitan dengan baka Ayam Arian, nanas serta padi yang akan membawa manfaat kepada negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementeriannya berjaya memperkukuhkan kerjasama penyelidikan bersama dengan negara berkenaan.

"Ketiga-tiga kerjasama ini adalah selari dengan fokus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2024 yang menggariskan empat fokus utama tahun ini iaitu industri ayam dan telur, industri padi, industri nanas serta industri bawang.

"Perbincangan bersama Timbalan Menteri Pertanian Iran, Dr. Mojtaba Khayam Nekouei membuka jalan dan insya-Allah ia mampu dilaksanakan untuk manfaat rakyat serta Malaysia," katanya.

Mohamad yang turut melawat ke Pusat Penyelidikan Pendidikan dan Pengembangan Pertanian (AREEO) Iran berkata, bank genetik di AREEO sangat penting dan ia merupakan salah satu pusat yang strategik bagi memastikan sekuriti serta kedaulatan makanan Iran sentiasa terjamin.

"Saya bersyukur apabila pihak kerajaan Iran melalui Kementerian Pertanian Iran dan AREEO bersetuju untuk mengadakan kerjasama bersama Malaysia dalam memastikan sumber makanan negara sentiasa berada di tahap terbaik.

"Ini adalah peluang yang amat baik dan cukup bermanfaat kepada negara kita," katanya.

Tambahnya, kolaborasi dicadangkan dilakukan antara dua pihak adalah dalam pertukaran tenaga pakar, teknologi, ilmu, genetik pertanian yang dilihat amat penting bagi memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terpelihara dalam jangka masa panjang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

Wujudkan situasi menang-menang pesawah, pengilang

# Selari kenaikan harga beras dan belian padi


Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my




PESAWAH menggesa agar kenaikan harga beras diselarikan dengan kenaikan harga belian padi supaya mewujudkan situasi menang-menang antara pesawah dengan pengilang.

**ARAU:** Kenaikan harga beras perlu selari dengan kenaikan harga belian padi supaya wujud situasi menang-menang antara pesawah dengan pengilang.

Justeru, pesawah menggesa kerajaan menaikkan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 ke RM1,600 bagi satu tan metrik untuk memberi sedikit 'nyawa' kepada golongan petani yang terus terkesan.

Kata mereka, apabila berlaku kenaikan harga beras, ada kemungkinan kos input pertanian dan upah jentera juga akan mengalami kenaikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, kerajaan perlu menyemak harga lantai padi RM1,300 ketika ini untuk dinaikkan kepada RM1,500 atau RM1,600 agar merekanturut sama mendapat manfaat.

Menurut beliau, pada masa ini, kos upah jentera seperti mesin sudah naik daripada RM130 kepada RM150 bagi keluasan 0.3 hektar dan berkemungkinan selepas ini akan terus meningkat kesan daripada kenaikan harga beras yang tidak menguntungkan petani.

Kata beliau, hal demikian kerana, kesan kenaikan harga beras yang tidak diselarikan dengan peningkatan harga belian padi akan berkait dengan semua termasuk kos jentera, input pertanian, upah dan sebagainya.

"Sepatutnya jika keputusan menaikkan harga beras itu berlaku perlu memberi manfaat kepada bukan sahaja pengilang atau pemborong sebaliknya kepada pesawah yang lebih banyak bersusah-payah dan menderita mengusahakan tanaman.

"Sepatutnya adil kepada kedua-dua pihak (pesawah dan pengilang) apabila naik harga beras, perlu juga dinaikkan harga belian padi. Jika harga siling belian padi dinaikkan kepada RM1,500 termasuk subsidi RM500 menjadikan RM2,000 ia akan memberi sedikit nafas kepada pesawah.

"Tak wajar naik harga beras tetapi tidak naikkan harga padi. Kerajaan perlu melihat situasi ini di mana pesawah yang berusaha keras mengusahakan tanaman padi ini sepatutnya diberikan lebih perhatian," katanya.

Kelmarin akhbar ini melaporkan, kerajaan belum membuat sebarang ketetapan susulan cadangan mewujudkan satu gred Beras Putih Malaysia Madani.

Ia sebagaimana cadangan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal pada 14 Februari lalu, sehingga mengundang kekeliruan orang ramai.

# Pesawah terbeban harga baharu beras



MOHAMAD Saidin melihat pokok padi yang tidak menjadi kerana kekurangan sumber air di petak sawahnya di Kampung Kuala Segantang Garam, Merbok, Kedah semalam.

**MERBOK:** Pesawah di negeri ini mendakwa langkah kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani dengan harga yang lebih tinggi hanya menguntungkan pihak tertentu.

Kata mereka, pesawah masih dibelenggu dengan kenaikan pelbagai kos dan tidak mendapat manfaat langsung daripada pengumuman yang dibuat oleh Pengerusi Majlis Tindakan Kebangsaan mengenai Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal itu.

Seorang pesawah, Mohamad Saidin, 60, yang mengusahakan sawah seluas satu hektar di Kampung Kuala Segantang Garam berkata, kenaikan harga kepada RM30 sekampit 10 kilogram (kg) itu mengakibatkan mereka turut perlu berbelanja lebih.

"Walaupun pesawah adalah rantaian utama pengeluaran beras tetapi kami perlu membelinya dengan harga tinggi berbanding sebelum ini.

"Sudahlah terbeban dengan kos tinggi untuk menghasilkan padi, malah hendak menggunakannya pun kami terpaksa mengeluarkan belanja besar," katanya ketika ditemui, semalam.

Seorang lagi pesawah, Huzaidi Rejab, 38, berkata, kenaikan kos racun, benih, sewa jentera dan pengangkutan sepatutnya perlu diambil kira kerajaan sebelum buat pengumuman berkaitan Beras Putih Malaysia Madani kerana harga kesemua input itu tinggi.

"Apa yang perlu dilakukan ialah menaikkan harga siling padi, memberi lebih banyak subsidi, menurunkan potongan padi di kilang dan menambah baik sistem saliran khususnya kepada pesawah yang mempunyai masalah bekalan air," jelasnya.

# Tetapkan harga beras 'di pintu' kilang

**KOTA BHARU:** Penetapan harga beras bermula 'di pintu' kilang mampu membendung isu manipulasi dan penipuan harga beras sekali gus memastikan keterjaminan bekalan mencukupi untuk keperluan rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong yang mempunyai kilang padi dan beras, Datuk Aimi Jusoh berkata, kenaikan harga di pintu kilang pada kadar munasabah iaitu antara RM2,600 hingga RM2,800 satu tan mampu memanjangkan lagi jangka hayat pemain industri beras.

Katanya, langkah itu membolehkan pengilang mendapat sedikit keuntungan bagi menampung kos pengeluaran selepas berdepan dengan harga belian padi yang terlalu tinggi di pasaran ketika ini.

"Walaupun kerajaan menetapkan harga lantai padi iaitu RM1,300, bahan mentah itu dijual lebih tinggi sehingga ada yang mencecah RM1,700 satu tan.

"Situasi itu berlaku ekoran perebutan mendapatkan bekalan bahan mentah tersebut. Dari sudut petani dan pesawah, mereka mendapat keuntungan. Namun untuk jangka masa panjang, berapa lama perkara ini boleh bertahan.

"Kami terpaksa jual beras di pintu kilang pada harga RM2,250 satu tan. Untuk makluman, sejak 15 tahun lalu, tiada kajian ke atas harga beras dilakukan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Aimi yang Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan memberitahu, untuk menghasilkan satu tan beras, pengilang terpaksa berbelanja kira-kira RM300.

Katanya, hasil analisis mendapati jika padi dibeli pada RM1,500 satu tan pengilang akan kerugian lebih RM100 untuk satu tan.

"Bagaimanapun jumlah itu dapat ditampung menerusi jualan hasil beras seperti dedak, tenukut dan sebagainya sekitar RM250 hingga RM300," jelas beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# El Nino: 600,000 pesawah, pekebun kecil risiko terjejas


Oleh AIMAN ALI dan AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my





**PETALING JAYA:** Lebih 600,000 pesawah dan pekebun kecil berisiko terjejas berikutan kesan El Nino yang sedang melanda negara pada penghujung Monsun Timur Laut, kali ini.

Mereka tidak dapat menjalankan aktiviti pertanian seperti biasa selain cuaca panas melampau turut mempengaruhi pengeluaran industri padi dan getah.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Adzmi Hassan berkata, fenomena El Nino menjejaskan hasil penorehan getah bagi menampung perbelanjaan seharian penoreh.

"Kebiasaannya apabila cuaca panas, daun pokok getah mula berkurang dan hasilnya juga berkurang. Selalunya, boleh dapat antara 900 kilogram (kg) sehingga 1,300kg untuk satu hektar setahun.

"Faktor pembajaan oleh penoreh dan cuaca panas memainkan peranan. Apabila pokok getah daunnya luruh, maka kurang getahnya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Susulan itu, katanya, terdapat penoreh getah yang menggunakan stimulan artifisial bagi meningkatkan produktiviti getah sekerap disebabkan hasil yang berkurang akibat faktor cuaca.

Khamis lepas, akhbar ini melaporkan, fenomena El Nino yang diramal berterusan sehingga Mei berpotensi mengakibatkan gangguan bekalan air dan mengurangkan paras air empangan ekoran cuaca menjadi semakin panas serta kering melampau.

Menurut Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran, Malaysia sedang melalui situasi genting kerana kapasiti sebenar air bagi 16 daripada 55 empangan tidak diketahui.

Pada masa sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan keadaan tanaman dan sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas setakat ini.

Adzmi berkata, harga getah ketika ini pada RM3.25 memberi kelegaan kepada penoreh, namun ia tetap bergantung kepada lokaliti dan kualiti sekerap.

"Harga sekarang tinggi untuk sekerap yang mempunyai DRC (*Dry Rubber Content*) tetapi menjadi rendah sekiranya sekerap mempunyai air yang banyak iaitu pada harga RM2.75 sehingga RM2.80 bergantung kawasan.

"Dengan harga tinggi walaupun cuaca panas, penoreh sanggup keluar pagi atau petang untuk menoreh dan dapatkan hasil. Kalau menoreh sendiri dapat banyak berbeza dengan pekebun yang mengupah orang yang hanya mendapat sedikit sahaja," katanya.

Dalam pada itu, EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, El Nino menyebabkan beberapa sawah yang terletak di luar kawasan tanaman Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengalami kekurangan air.

# Infrastruktur, kawasan menyusut punca gagal capai sasaran padi KADA

**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mendedahkan, masalah infrastruktur dan penyusutan kawasan jelapang padi menjadi punca kelemahan dalam pengeluaran hasil tanaman itu.

Pengerusinya, Muhammad Husain berkata, walaupun sudah melepasi purata hasil nasional iaitu 4.1 tan metrik sehektar, KADA masih ketinggalan berbanding hasil Selangor (4.32 tan metrik), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (4.24 tan metrik) dan Pulau Pinang (5.05 tan metrik).

"Antara faktor kelemahan prestasi pengeluaran hasil padi adalah ketiadaan sistem pengairan bersistematik kerana KADA pada masa ini tidak mempunyai empangan untuk menampung atau menyimpan bekalan air berbanding jelapang lain yang mempunyai empangan tersendiri.

"Selain itu kita berdepan masalah penyusutan kawasan jelapang berikutan ada kawasan tanah digunakan untuk tujuan pembangunan seperti komersial dan perumahan," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu Pengerusi KADA di sini, semalam.

Mohamad berkata, terdapat cadangan untuk menambah kawasan jelapang padi di negeri ini bagi meningkatkan hasil pengeluaran namun ia belum dilaksanakan.

"KADA perlu mendapatkan kebenaran daripada kerajaan negeri jika berhasrat membuka kawasan jelapang pafi baharu di luar kawasannya kerana ia melibatkan penggunaan tanah.

"Setakat ini sudah ada perbincangan dilakukan bersama pihak kerajaan negeri tetapi belum ada apa-apa keputusan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, KADA telah menjalankan usaha untuk menyediakan benih padi sendiri dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Puteri Saadong namun kuantiti benih belum mencukupi.

"Tanpa benih padi sendiri kita mungkin akan berdepan masalah dalam usaha penanaman dan meningkatkan hasil keluaran serta mencapai sasaran 'Gelombang Padi' yang merupakan hala tuju baharu dalam transformasi industri padi dan beras negara," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |

**Minda Pengarang**



# Henti keluar kenyataan bercanggah untuk atasi isu beras

**Kontroversi** dan spekulasi membabitkan industri beras negara, terutama berkaitan soal jenama serta gred beras putih ketika ini dilihat menimbulkan persoalan mengenai konsep persefahaman serta kebersamaan antara kementerian dan agensi kerajaan dalam pelaksanaan satu dasar atau perancangan kerajaan.

Kenyataan saling berbeza dinyatakan menteri dan ketua agensi kerajaan dalam menguruskan isu beras serta harganya sepatutnya tidak terjadi kerana mesyuarat Jemaah Menteri diadakan pada setiap minggu, sudah tentu memberi input dan maklumat selaras kepada setiap menteri atau timbalan menteri.

Namun, apabila wujud kenyataan berbeza atau bercanggah antara menteri yang terkait dengan industri beras negara, tentu menimbulkan kesangsian umum terhadap tahap kemampuan Kabinet membuat keputusan dalam isu penting negara.

Bahkan, perbezaan kenyataan ini seperti 'menembak kaki sendiri' Kerajaan Perpaduan dan lebih malang lagi hanya menjadi senjata kepada pembangkang untuk menyerang kerajaan.

Sepatutnya dalam situasi hari ini ketika negara berdepan dengan isu keterjaminan makanan, pengguna menanggung kenaikan harga barang dan kos sara hidup, inflasi serta kemerosotan nilai ringgit yang mempengaruhi kehidupan rakyat, pemimpin kerajaan sepatutnya perlu lebih cermat dan berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan.

Percanggahan ketara dalam mengeluarkan kenyataan antara pemimpin tentu mencalar imej kerajaan, mencetus persoalan terhadap kewibawaan menteri dan ketua jabatan untuk memimpin kementerian atau agensi bertanggungjawab pada mata masyarakat.

Perlu disedari bahawa rakyat waktu ini sedang memerhati dan menilai keupayaan kerajaan mentadbir termasuk memulihkan ekonomi negara. Justeru, jika berlaku percanggahan kenyataan membabitkan dasar, kerajaan sudah tentu ia membawa imej tidak baik kepada kerajaan.

Ketika rakyat amat mengharapkan perubahan lebih positif dalam aspek kehidupan mereka terutama ekonomi, sosial dan politik, kerajaan seharusnya berusaha mengecilkan sebarang risiko atau meminimumkan 'kecacatan' yang berlaku dalam jentera pentadbiran.

Dalam pada itu, pegawai tertinggi kerajaan juga seharusnya lebih proaktif dan teguh pendirian bertugas mengikut Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam bagi memenuhi peranan serta fungsi perkhidmatan termasuk menjaga reputasi kementerian serta jabatan tempat bertugas.

Pegawai dan penjawat awam turut bertanggungjawab menasihat, menegur dan memperbetulkan apa-apa kepincangan atau kelemahan kenyataan yang wujud bagi mengelak kekeliruan serta salah faham masyarakat terhadap kementerian, agensi dan kerajaan.

Apa yang penting, persefahaman dan kebersamaan anggota Jemaah Menteri dalam mengeluarkan kenyataan terhadap sesuatu isu perlu diperkukuhkan dan diselaras lebih jitu bagi mengelak wujud salah faham serta kekeliruan rakyat pada pada masa depan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | THE SUN | NATIONAL | 2 |

# Action Council to discuss rice supply issue

**PAPAR:** A special meeting of the National Action Council on Cost of Living (Naccol), chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, will be held on Friday to discuss the rice supply issue, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

"Since the enforcement of the Control of Padi and Rice Act 1994 (Act 522), the power to regulate padi and rice, including supply and price, is under the Agriculture and Food Security Ministry.

"Any change involving government policies and programmes related to the padi and rice industry comes under the responsibility of the Agriculture and Food Security minister, in line with the order issued under the Ministerial Functions Act 1969," he said, after attending a mass circumcision ceremony here yesterday.

Armizan said any official announcement on the country's rice supply would be made by the Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, or a designated representative, after decisions are reached by Naccol.

He said the decisions would be brought to the Cabinet subsequently, if they are significant and involve financial implications.

Armizan added that at the meeting his ministry, with the cooperation of the Economy Ministry and the Statistics Department, would bring up for consideration relevant indicators to measure living costs.

"We have a consumer price index, but if there is a cost of living indicator, we will be able to make a more comprehensive assessment, including in the context of the distribution of aid to the people.

"We know that in every district or region, the cost of living is different. Prices of goods, including logistics costs, are different. Therefore, we need to establish the indicator, but in order to establish that indicator we have to involve policy as we need to see what components have to be included."

On cost of living pressures that are becoming more and more burdensome, Amrizan said this is an issue facing all countries worldwide.

"The increase in the cost of living is not only happening in Malaysia. If you look at the World Economic Forum report that was just released, for the next 10 years one of the global challenges is cost of living." – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | THE STAR | NATION | 12 |

# Homestays set to sweeten visits with fruit festivals

By DURIE RAINER FONG
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Local fruit festivals will be organised to attract domestic and foreign tourists to visit several registered homestays under the Kota Kinabalu City Hall (DBKK).

Mayor Datuk Seri Dr Sabin Samitah said the four homestays were Desa Cinta Kobuni, Id Kalangadan, Darau Wetland and most recently, Id Pogimpaan, all under DBKK's Community-Based Tourism (CBT) initiative.

He said that discussions would soon take place between DBKK and several agencies, including the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), to make this plan materialise.

"We believe that fruit festivals in these areas can potentially attract tourists to visit the homestays," he said during the launch of the Id Pogimpaan homestay on Saturday.

"At the same time, it will create a new tourism product that can be commercialised and added to existing offerings, while also increasing the income of homestay operators themselves.

"For example, the Id Pogimpaan homestay area in Kampung Binaung Baru, Manggatal, known for its attractive scenery and existing fruit farming area, is well-suited to achieve our goals."



**Sweet start:** Sabin (left) presenting Abidin with a fruit basket during the launch of the Id Pogimpaan homestay.

Sabin added that DBKK would work towards implementing the proposal, considering it was part of the seven outlined strategies.

Among the objectives of this programme, he explained, was to improve the socio-economy of the local community through involvement in tourism activities by diversifying and upgrading various tourism products.

At the same time, they will be able to conserve natural resources while maintaining the heritage and culture of the local community.

He said the Id Pogimpaan homestay was a new attraction for foreign tourists who wanted to experience staying in a village-style setting.

He said the homestay possessed significant potential and opportunity to be developed as a source of additional income for the city community and further contribute to the state's economic development.

"The first homestay in the programme to be registered under the Tourism, Arts and Culture Ministry was Desa Cinta Kobuni in 2017, followed by Id Kalangadan in 2020, Darau Wetland in 2022, and now, Id Pogimpaan in 2023.

"This initiative demonstrates that DBKK consistently supports the development of homestay programmes to enhance competitiveness in the tourism industry, indirectly improving the community's economy, especially in urban areas," Sabin said.

He also advised homestay operators and committee members to, among others, focus on aspects of cleanliness and beauty in each village.

Also present to launch the Id Pogimpaan homestay was Assistant Minister to the Chief Minister Datuk Abidin Madingkir.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | THE STAR | NATION | 2 |

# M'sia's rice supply issue to be discussed at NACCOL meeting

**PAPAR:** Issues pertaining to the country's rice supply will be in the National Action Council on Cost of Living's (NACCOL) special meeting agenda this Friday, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

Armizan said his ministry, as NACCOL secretariat, has received confirmation from the Agriculture and Food Security Ministry that the issue of rice supply would be one of the matters to be raised for discussion.

The NACCOL special meeting will be chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

COST OF LIVING

Armizan said the power to regulate padi and rice, including matters pertaining to its supply and price, is under the Agriculture and Food Security Ministry's purview.

"This is in line with the order issued under the Ministerial Functions Act 1969," he told reporters after attending a mass circumcision ceremony, as reported by Bernama.

Any official announcements regarding the country's rice supply will be made by Datuk Seri Mohamad Sabu, or a designated representative after decisions are reached by NACCOL, Armizan added.

He said these decisions will also be brought to the Cabinet, especially if major decisions are made and if it involves financial implications.

On Friday, the Prime Minister had said that the government would finalise price controls for rice at the special Naccol meeting next week and expressed confidence that the price of rice could be reduced and subsequently alleviate the people's burden.

It was reported that the government would introduce a "Beras Putih Malaysia Madani" white rice category to replace the local and imported white rice categories in the market.

Armizan also said his ministry will seek the meeting's consideration to set up an indicator for cost of living.

"We have a consumer price index, but if there is an indicator for the cost of living, we will be able to make a more comprehensive assessment, including in the context of aid distribution to the people," he said.

Armizan pointed out that different districts and regions will have different costs of living.

"The price of goods, including logistics costs, is different. That is why we need to establish the indicator," he said.

Armizan added that the Economy Ministry and Statistics Department will be roped in to see the components to be included in the cost of living indicator.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | NST | NEWS | 6 |

MADANI WHITE RICE INITIATIVE

# PADI FARMERS' JOY OVER NEW CEILING PRICE SHORTLIVED

Also, rumours abound that rice millers may reduce the purchase price

ADIE ZULKIFLI
**ALOR STAR**
news@nst.com.my




*Padi farmers were left astounded on Saturday when Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government had not made any decision on introducing a single category of white rice.* PIC BY DANIAL SAAD

FOR a moment, padi farmers believed that they could heave a sigh of relief as the government reviewed the ceiling price of white rice.

However, it seemed that the farmers, who have been under pressure following the steep hike of input costs in recent years, would have to wait further as the authorities sort out the matter.

"We were happy when we learnt that the government was setting a new retail price of locally produced rice at RM30 for a 10kg package by March 1," said Che Ani Mat Zain, the chairman of the Muda Agriculture Development Authority (Mada) action committee.

He was referring to the announcement by the National Action Council for Cost of Living (Naccol) food cluster task force on the Malaysia Madani white rice initiative.

On Wednesday, task force chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal said the government would introduce the Malaysia Madani white rice priced at RM30 for a 10kg sack on Feb 19.

He said that following the move, there would no longer be local white rice (SST) and imported white rice (SSI) categories, adding that the Malaysia Madani white rice would be the sole category.

Padi farmers in Kedah, half of whom are under Mada, contributed the largest chunk, or 45 per cent, to national rice production.

So the announcement was music to their ears, since the ceiling price of RM2.60 per kilogramme for locally produced white rice had not been revised for nearly two decades, despite hikes in input costs.

For the farmers, a revised ceiling price of rice would pave the way for millers to adjust their padi purchasing price upward.

Che Ani said: "We understand that consumers might be unhappy with the hike, but it may be the solution to the supply crisis of locally produced white rice.

"To us, the RM4 increase for a 10kg sack for local white rice is reasonable given the rising input costs over the past 18 years.

"It will be a win-win situation as farmers will get a fairer selling price of padi while consumers will get locally produced white rice."

The farmers, however, were left astounded on Saturday when Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government had not made any decision on introducing a single category of white rice known under the Malaysia Madani white rice branding.

The *New Straits Times* reported that analysts had raised concerns about the poor coordination in the government.

They said these shortcomings could erode public confidence in the government.

While they await the government's decision on the matter, padi farmers in Kedah have another issue to worry about.

Che Ani said rumours were rife that rice millers would reduce the purchase price from RM1,600 per metric tonne to RM1,300 from today.

"Since the harvesting season started about a month ago, rice millers have been buying our padi at RM1,600 per metric tonne.

"We heard rumours that the rice millers are revising the purchase price to RM1,300 per metric tonne."

The move to cut the purchase price, he said, if it went through, would devastate the farmers as they would not be able to cover their high input costs to cultivate the crop.

He said this move was unacceptable to farmers in Kedah since rice millers in Negri Sembilan were buying the crop at RM1,600 per metric tonnes while those in Selangor were paying RM1,800 per metric tonne.

He said Mada farmers would organise a peaceful protest should the rice millers proceed with the move today.

Yesterday, Bernama reported that a Naccol meeting, to be chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, would be held on Friday to discuss the cost-of-living issue, especially rice supply.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the ministry, as the Naccol secretariat, had received confirmation from the Agriculture and Food Security Ministry that the rice supply issue would be discussed.

"The power to regulate padi and rice, including the direction of supply and price, is under the Agriculture and Food Security Ministry.

"Any changes involving government policies and programmes related to the padi and rice industry are under the responsibility of the agriculture minister," he said in Papar, Sabah, yesterday.

Armizan said any announcements on rice, supply would be made by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu or a representative after decisions were reached by Naccol.

Subsequently, these decisions would be taken to the cabinet if they were significant and involved financial implications, he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | THE SUN | NATION | 3 |


# 'Orchids can generate RM4b export earnings yearly'

**SEPANG:** The export of Malaysian orchids can contribute up to RM4 billion a year to Malaysia's floriculture industry due to high demand from other countries, said Agriculture Department's Floriculture Industry Unit (Floriculture Industry Development Division) head Mohamad Nizam Malik.

However, he said to meet the demand, Malaysia needs to farm 120ha of orchids.

"Currently, there are 50 orchid farms managed by local entrepreneurs that have produced yields, and we expect more orchid farms to be established," he said, adding that if Malaysia wishes to meet the demand from Dubai, it needs to send at least 50 containers of orchids every day.

Mohamad Nizam said this to reporters after attending the launch of a pilot project involving the export of premium gift boxes of *Mokara* orchid to Dubai at the Cargo Complex of the KL International Airport on Saturday.

"We aim to provide orchids at luxury hotels not only as decorations but also as souvenirs because orchids have high aesthetics and people appreciate their uniqueness and beauty."

He added that Malaysian orchids are sought-after in several countries in the Middle East, including the United Arab Emirates and Qatar besides existing demand from countries like Singapore.

According to the Agriculture Department's previous statement, the floriculture industry generated RM417.3 million through exports in 2021 compared with RM403 million in 2020.

A total of 270 premium gift boxes of the *Mokara* orchid will be flown to Dubai and are expected to be launched by the Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali in conjunction with Gulfood 2024, which has been touted as the largest food festival in Dubai. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

**PENANAM MAHU PUSAT PENGUMPULAN BUAH**

# Masalah duku Kuala Berang

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

**Kuala Berang**

Sebahagian penduduk di daerah ini bergantung kepada pertanian untuk menyara keluarga, bahkan ada yang menjadi pengeluar buah seperti Duku Terengganu.

Hasil tani itu akan dijual kepada pembekal dengan keuntungan daripada jualan berkenaan dimanfaatkan bagi pusingan modal kebun serta menanggung keperluan isi rumah.

Bagaimanapun, ketiadaan pusat pengumpulan pertanian setempat dilihat menyukarkan petani dan pekebun, bukan saja mereka di daerah ini, malah Terengganu keseluruhan untuk memasarkan hasil.

Pekebun, Alias Ismail, 66, dari Kampung Durian Bador berkata, sejak dahulu lagi mereka perlu menguruskan sendiri hasil pertanian dan memasarkannya.

Katanya, mengambil contoh ketika tibanya musim buah duku, pekebun terpaksa mencari pembeli yang akan membeli hasil itu manakala pembeli pula perlu mengupah individu lain untuk memungut buah.

Menurutnya, hasil yang dipungut itu akan dikumpul di satu kawasan, biasanya di pekarangan rumah pembeli sebelum berurusan dengan 'tauke' yang mahu membeli buah berkenaan.

"Proses ini memakan masa sedangkan hasil tani perlu dipasarkan dengan cepat bagi mengelak rosak.

"Buah duku umpamanya, hanya mampu bertahan selama tiga hari dari hari dipetik hingga dijual," katanya yang memberitahu ketika ini lori yang mengangkut hasil tani terpaksa ke setiap lokasi pengumpulan yang tentunya mengambil masa.

Alias berkata, petani daerah ini bukan seorang dua, malah setiap kampung menjalankan aktiviti pertanian yang memerlukan hasil tani dipasar secepat mungkin.

Disebabkan itu, katanya, sudah tiba masanya pihak berkuasa mewujudkan pusat pengumpulan untuk aktiviti pemasaran hasil pertanian.



*"Buah duku umpamanya, hanya mampu bertahan selama tiga hari dari hari dipetik hingga dijual"*

**Alias Ismail**



*"Hasil tani sebelum ini dikumpul dan dijual kepada tauke yang datang membeli kerana kami tidak mempunyai satu pusat khusus untuk memasarkannya"*

**Abdullah Ahmad**



ALIAS ketika ditemui di kebun duku miliknya di Kampung Durian Bador, Kuala Berang.



TAPAK cadangan oleh Fama untuk dijadikan pusat pengumpulan hasil pertanian dan pemasaran Duku Terengganu di Kampung Tanjung Putat, Kuala Berang.

Petani, Abdullah Ahmad, 73, dari Kampung Tanjung Baru, bersetuju sekiranya pusat pengumpulan hasil pertanian diwujudkan kerana memudahkan urusan pelbagai pihak.

"Hasil tani sebelum ini dikumpul dan dijual kepada tauke yang datang membeli kerana kami tidak mempunyai satu pusat khusus untuk memasarkannya.

"Ini juga jadi halangan dalam memasar produk segar dan memang wajarlah ditubuh pusat pengumpulan, yang secara tidak langsung dapat membantu pekebun dan petani daerah," katanya.

***Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Ladang babi cemar 2 sungai diarah tutup serta-merta

## JAS Kedah kesan operasi haram lepaskan sisa ternakan dari beberapa kolam

**Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Nur Izzati Mohamad**
bhnews@bh.com.my

**Bukit Mertajam:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sudah mengarahkan operasi sebuah ladang babi di Sungai Lembu di sini, ditutup serta-merta selepas Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan haiwan itu yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata arahan itu dikeluarkan selepas semakan mendapati ladang terbabit gagal memperoleh lesen secara sah untuk beroperasi.

"JPV keluarkan arahan mengosongkan ladang, selain meminta jadual pergerakan babi dari ladang itu ke rumah sembelih.

"Jumlah babi di ladang ini banyak dan perlu dilaksanakan berperingkat, penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan ditetapkan.

"JPV akan mengambil tindakan mengikut enakmen sedia ada terhadap penternak itu dan satu kompaun akan dikeluarkan," katanya mengulas isu pelepasan sisa ternakan babi yang dikesan JAS Kedah.

Fahmi berkata, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan memantau lokasi yang dilaporkan.

Terdahulu, JAS Kedah mengesan kegiatan melepaskan sisa babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

### Dron kesan pelepasan sisa

"Pasukan penyiasat bertindak menyusuri Sungai Air Merah dan turut melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang Sungai Air Merah.

'Pemantauan melalui dron di sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca pelepasan air hitam itu disyaki berpunca dari pelepasan efluen atau air sisa daripada aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, SPT, Pulau Pinang.

"Pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan babi mendapati beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim kira-kira tiga kilometer (km).

"Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang dan loji ini terletak kira-kira 7km dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan, berkata pihaknya turun lapangan sejak kelmarin dan siasatan diteruskan hingga semalam.

"Lima lokasi diambil sampel oleh JAS Pulau Pinang dan jika aduan berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi itu.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing.

"JAS mempunyai kuasa terhad terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya.



*Aliran air hitam dari kolam ladang ternak babi di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah disyaki cemari Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.*
(Foto ihsan JAS Kedah)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | KOSMO | NEGARA | 17 |



GAMBAR yang diambil menggunakan dron menunjukkan kawasan penternakan khinzir yang mengakibatkan Sungai Air Merah tercemar Jumaat lalu.

Sisa berwarna hitam cemar Sungai Air Merah

# Lelehan sisa khinzir

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Pelepasan air berwarna hitam dari sebuah pusat penternakan khinzir di Kampung Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dikenal pasti sebagai punca yang mengakibatkan Sungai Air Merah tercemar Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, kejadian pada pukul 11 pagi itu melibatkan aliran air dari sungai itu ke Sungai Kulim di Kulim.

Katanya, maklumat mengenai kejadian itu diterima melalui sistem *Notification of Pollution Event* Tahap Satu yang memberikan bacaan bagi parameter Ammoniakal Nitrogen 2.91152 miligram seliter dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sebaik menerima maklumat, sepasukan pegawai penyiasat kemudian digerakkan bagi mengesan punca pencemaran pada 16 dan 17 Februari lalu. Semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim kemudiannya dijalankan.

"Hasil siasatan mendapati terdapat aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim yang mengakibatkan ia tercemar," katanya semalam.

Menurut Sharifah, siasatan lanjut menggunakan dron berjaya mengesan punca pelepasan air berwarna hitam itu yang datang daripada aktiviti penternakan khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Tambahnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati ada beberapa kolam yang melepaskan air sisa ke Sungai Air Merah yang mengalir masuk ke Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah hingga Sungai Kulim adalah tiga kilometer. Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim di Pulau Pinang yang membekalkan air bagi sebahagian penduduk di negeri itu.

"Loji itu terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," jelasnya.

Ujar Sharifah Zakiah, pihaknya telah memaklumkan perkara itu kepada JAS Pulau Pinang untuk tindakan lanjut pihak berkaitan seperti Jabatan Veterinar dan Badan Kawal Selia Air di negeri berkenaan.

"Semua pihak adalah digesa untuk tidak mencemar sungai. Pencemaran Sungai boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," tambahnya.

Pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara dan denda mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

PENCEMARAN SUNGAI KULIM

# Ladang khinzir di negeri jiran lepas sisa ternakan

**Alor Setar:** Siasatan Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kedah mendapati kejadian pencemaran yang berlaku di hulu Sungai Kulim dipercayai akibat daripada aktiviti penternakan khinzir di negeri jiran.

Pengarah Jas Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, terdahulu pihaknya menerima maklumat melalui sistem *Notification of Pollution Event (NPE)* pada 11 pagi Jumaat lalu.

Menurutnya, berdasarkan maklumat itu, bacaan bagi parameter ammoniakal nitrogen (NH3-N) yang direkodkan di sungai terbabit adalah 2.91152 mg/l dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sepasukan pegawai penyiasat Jas Kedah (Cawangan Kulim) kemudian digerakkan bagi mengesan punca pencemaran itu pada 16 dan 17 Februari lalu.

"Siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim mendapati aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang terletak bersempadan Kedah dan Pulau Pinang kemudian memasuki Sungai Kulim, di sini.

"Pemantauan dron sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca disyaki dari pelepasan efluen atau air sisa daripada aktiviti penternakan khinzir di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan, semalam.

**"Pemantauan dron sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca disyaki dari pelepasan efluen atau air sisa daripada aktiviti penternakan khinzir di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang"**

Sharifah Zakiah berkata, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

Menurutnya, jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim sejauh tiga kilometer.

Katanya, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi keperluan Pulau Pinang iaitu kira-kira 7km dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

"Hasil siasatan sudah dimaklumkan kepada Jas Pulau Pinang untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa Pulau Pinang seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang.

"Justeru, semua pihak dinasihatkan tidak mencemarkan sungai dan pencemaran sungai boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# SISA BABI RENTAS NEGERI



Ladang ternakan babi di Seberang Perai Tengah yang disyaki melepaskan sisa air ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah membongkar kejadian pencemaran di Sungai Kulim yang dipercayai berpunca dari ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- Lebih membimbangkan, lokasi pelepasan sisa air berwarna hitam itu terletak hanya 10 kilometer di hulu Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air kepada penduduk Pulau Pinang.
- Exco kerajaan Pulau Pinang, Fahmi Zainol mengesahkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri telah mengarahkan ladang babi berkenaan ditutup dan bakal dikompaun kerana beroperasi tanpa lesen.

MUKA 2 & 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

JAS Kedah kesan pencemaran air berwarna hitam di sempadan Kedah-Pulau Pinang

# Ladang babi Pulau Pinang lepaskan sisa ke Sungai Kulim

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR

LAPORAN MUKA DEPAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah berjaya mengesan aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim yang disyaki air sisa aktiviti penternakan babi.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pencemaran berkenaan dikesan melalui sistem *Notification of Pollution Event* (NPE) *Level 1* pada jam 11 pagi pada Jumaat lalu.

Katanya, maklumat bacaan bagi parameter ammoniakal nitrogen (NH3-N) yang direkodkan adalah 2.91152 mg/l iaitu melebihi had yang ditetapkan.



SHARIFAH ZAKIAH

"Susulan itu sepasukan pegawai penyiasat daripada JAS Kedah (Cawangan Kulim) digerakkan bagi mengesan punca pencemaran.

"Pasukan berkenaan kemudiannya menjalankan semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, hasil siasatan pasukan penyiasat mendapati terdapat aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim.

"Mereka telah menyusuri Sungai Air Merah dan juga melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang sungai terbabit.

"Hasilnya mereka mengesan berlaku pelepasan air hitam disyaki air sisa aktiviti penternakan khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," kata beliau.

Jelasnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim adalah tiga kilometer. Selain itu terdapat Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim (Pulau Pinang) yang membekalkan air bagi Pulau Pinang.

"Loji terbabit terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," ujarnya.

Sharifah Zakiah berkata, hasil siasatan telah dimaklumkan kepada JAS Pulau Pinang.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan berkata, pihaknya juga telah turun di lapangan sejak Sabtu dan siasatan diteruskan hingga Ahad.

Setakat ini, lima lokasi telah diambil sampel oleh pihak JAS Pulau Pinang dan sekiranya aduan tersebut berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi berkenaan.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing.

"JAS mempunyai kuasa terhad terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya ketika dihubungi.

FOTO: JAS KEDAH



Pegawai JAS Kedah melakukan pemantau menggunakan dron di Sungai Air Merah selepas pencemaran sungai dikesan Jumaat lalu.




Lokasi pencemaran sungai akibat sisa ternakan babi di sempadan Pulau Pinang-Kedah.

## PENCEMARAN LADANG BABI DI PULAU PINANG

**16 OKTOBER 2020**
- Sebanyak 26 ladang ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang didapati membuang sisa kumbahan dan najis secara terus ke dalam sungai di kawasan itu, dedah Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan negeri ketika itu, Dr Norlela Ariffin.

**17 Disember 2020**
- Polis membuka kertas siasatan berhubung pencemaran Sungai Kereh di Tasik Gelugor, dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa najis babi. Kemelut tersebut dilapor berlarutan sejak 40 tahun lalu.

**7 April 2022**
- Sahabat Alam Malaysia (SAM) mendakwa sebilangan operasi ladang ternakan babi di Pulau Pinang tidak mengikut piawaian serta syarat yang telah ditetapkan hingga menyebabkan pencemaran. Ini termasuk di Kampung Selamat, Gertak Sanggul, Valdor, Simpang Ampat dan Sungai Jawi.

**14 Februari 2023**
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengesahkan penyakit *African Swine Fever* menjangkiti ternakan di 30 ladang babi komersial di negeri ini.

**7 November 2023**
- Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang menubuhkan *task force* bagi memuktamadkan isu pencemaran berkaitan ladang babi yang menghantui penduduk Kampung Selamat sejak lebih empat dekad lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | NST | NEWS | 8 |

SUSPECTED WASTE DISPOSAL

# Penang pig farms causing pollution in Sg Kulim




*An Environment Department worker using a drone to survey a pond in Kampung Sungai Lembu near Seberang Prai, Penang, yesterday.* PIC COURTESY OF THE KEDAH ENVIRONMENT DEPARTMENT

**ALOR STAR:** The Environment Department has identified pollution in Sungai Kulim, believed to be caused by improper disposal of waste from pig farming in Penang.

Kedah Environment Department director Sharifah Zakiah Syed Sahab yesterday said investigations in the upstream area of Sungai Kulim were conducted following a level 1 notification of pollution event last Friday.

"Our investigative team noticed a flow of black water from Sungai Air Merah to Sungai Kulim.

"We traced the source along Sungai Air Merah.

"Drone surveillance along Sungai Air Merah pinpointed the origin of the black water.

"We suspect this pollution is coming from the disposal practices of pig farms in Kampung Sungai Lembu near Seberang Prai Tengah in Penang."

Zakiah said checks in the vicinity of the pig farm found ponds leaking pollutants into Sungai Air Merah, which flowed into Sungai Kulim.

"Our measurements indicated that the levels of ammonia-nitrogen reached 2.91152 mg/l, surpassing acceptable limits.

"The findings have been forwarded to the Penang Environment Department."

She asked all parties to cease polluting rivers as pollution could lead to the closure of water treatment plants (WTP) and affect domestic water supply.

"The pig farms are located 3km from the Sungai Air Merah and Sungai Kulim junction.

"Notably, the Toh Allang WTP in Sungai Kulim, which serves Penang, is situated 7km from this juncture."

Kedah Veterinary Services Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said: "I have received information on the matter. Let us investigate it first."

Saira said it would release a statement today.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 36 |

# Ladang babi disyaki jadi punca pencemaran sungai

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Pencemaran Sungai Air Merah menghala ke Sungai Kulim di Kulim dipercayai berlaku akibat aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Menurut Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, pihaknya menerima maklumat pencemaran itu melalui sistem *Notification of Pollution Event* (NPE) Tahap Satu pada pukul 11 pagi, Jumaat lepas.

"Maklumat bacaan bagi parameter Ammoniakal Nitrogen ($NH_3$-N) yang direkodkan adalah 2.91152 miligram seliter (mg/l) dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sepasukan pegawai penyiasat dari JAS Kedah (Cawangan Kulim) kemudiannya digerakkan bagi mengesan punca pencemaran pada 16 dan 17 Februari. Semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim kemudiannya dijalankan.

"Pasukan penyiasat kemudiannya mendapati bahawa terdapat aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim," katanya ketika dihubungi di sini semalam.



PEMANDANGAN udara ladang babi dipercayai menjadi punca pencemaran di Sungai Kulim, Kulim.

Kata Sharifah Zakiah, pasukan penyiasat menyusuri Sungai Air Merah dan memantau menggunakan dron di sepanjang sungai terbabit untuk mengenal pasti punca pencemaran.

"Pemantauan melalui dron dijalankan di sepanjang Sungai Air Merah berjaya mengesan punca pelepasan air hitam tersebut.

"Pelepasan air hitam disyaki berpunca dari pelepasan air sisa dari aktiviti penternakan khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," ujarnya.

Jelasnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan air sisa ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah hingga Sungai Kulim adalah tiga kilometer (km). Terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang. Loji ini terletak kira-kira 7km dari pertemuan kedua-dua sungai itu," jelasnya.

Tambah Sharifah Zakiah, pihaknya memaklumkan perkara itu kepada JAS Pulau Pinang untuk tindakan lanjut pihak berkuasa negeri itu seperti Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang.

"Semua pihak digesa untuk tidak mencemarkan sungai kerana pencemaran boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Kemarau tidak jejas aktiviti penanaman padi - MADA

**ALOR SETAR -** Musim panas dan kering tidak memberi kesan terhadap tanaman padi terutama di kawasan Muda.

Menurut kenyataan dikeluarkan Unit Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), pihaknya sentiasa berada dalam keadaan siap siaga sekiranya fenomena El Nino berlaku dan berlarutan.

"Prestasi kemajuan tanaman padi musim 2/2023 sehingga hari ini (Ahad) mencatatkan aktiviti tanaman mencapai 99.3 peratus melibatkan kawasan seluas 100,011 hektar.

"Peringkat berbunga sebanyak 80.3 peratus dengan keluasan 80,831 hektar, padi masak sebanyak 38 peratus dengan keluasan 38,282 hektar dan 12.1 peratus (12,208 hektar) padi sudah dituai di kawasan Muda," katanya pada Ahad.

Menurutnya, jumlah takungan ketiga-tiga empangan juga berada pada paras selesa dan mencukupi bagi menampung keperluan sumber air pengairan untuk aktiviti tanaman padi musim 2/2023 di kawasan Muda.

"Kapasiti takungan empangan merekodkan 71.71 peratus di Empangan Pedu, Empangan Muda (72.80 peratus) dan 93.96 peratus di Empangan Ahning.

"Jumlah takungan ketiga-tiga empangan ini adalah 75.88 peratus," katanya.

Jelasnya, berdasarkan laporan tinjauan cuaca dikeluarkan METMalaysia memaklumkan fenomena El Nino atau cuaca kering diramal berlarutan sehingga Jun depan.

"Jumlah hujan di kawasan Muda merekodkan bacaan lebih rendah iaitu 12 milimeter (mm) berbanding purata turunan hujan 20 tahun iaitu 47mm.

"Keadaan ini tidak menjejaskan aktiviti tanaman padi musim 2/2023 yang dijangka selesai pada penghujung Mac ini," katanya.

Ujarnya, bagi menghadapi musim cuaca kering, MADA mengambil langkah berjaga-jaga dan tindakan segera.

"Antaranya memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan serta menjalankan operasi membekalkan air pengairan secara penggiliran mengikut keperluan aktiviti persawahan di setiap wilayah berdasarkan fasa tanaman," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |



*Cuaca panas mendorong segelintir penoreh getah di FELDA Laka Selatan, Changlun, bekerja pada waktu malam untuk mendapatkan hasil pengeluaran susu getah yang lebih banyak.* (Foto BERNAMA)

# 'Terpaksa menoreh waktu malam'

## Pekebun tukar syif akibat cuaca panas bagi dapatkan hasil susu getah lebih produktif

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

**Bukit Kayu Hitam:** Cuaca panas yang melanda negeri ini memaksa kira-kira 70 penoreh di FELDA Laka Selatan, Changlun, di sini, menukar 'syif' kerja pada waktu malam bagi mendapatkan hasil susu getah lebih produktif.

Rata-rata mereka berbuat demikian kerana tidak tahan dengan bahang panas pada waktu siang, selain terpaksa memendekkan tempoh menoreh pada waktu pagi.

Pengerusi Biro Ladang FELDA Laka Selatan, Mohd Jamil Shahbidin, berkata cuaca panas yang semakin mencengkam menyebabkan penoreh hanya boleh menoreh daripada jam 7 hingga 9 pagi, sekali gus menyebabkan hasil susu getah semakin berkurangan.

"Cuaca di sebelah malam lebih sejuk, jadi lebih 90 peratus penoreh di sini keluar menoreh pada waktu malam untuk tempoh yang lebih lama, ada yang mula menoreh jam 9 malam dan kadang-kadang boleh sampai 4 pagi.

"Kalau siang, hasil sedikit sebab susu getah menitik dua jam sahaja dan jika waktu malam boleh menitik antara tiga hingga lebih lima jam," katanya ketika ditemui malam kelmarin.

Mohd Jamil berkata, tempoh menoreh yang panjang diperlukan memandangkan hasil diperoleh ketika pokok getah menggugurkan daun dan mengeluarkan pucuk baharu akan berkurangan.

### Boleh bekerja lebih lama

Penoreh, Rodhi Md Rejab, 47, berkata dia membuat keputusan untuk menoreh waktu malam kerana suhu lebih sejuk.

"Saya rasa lebih selesa menoreh waktu malam kerana cuaca sejuk, hasil pun lebih kerana boleh bekerja dalam tempoh lama.

"Pada musim kemarau dan musim daun luruh ini, beza menoreh siang dan malam adalah antara 30 hingga 40 peratus. Contohnya, kalau menoreh siang dalam tempoh seminggu dapat peroleh 200 kilogram (kg) getah sekerap, manakala malam dalam tempoh sama pula akan dapat antara 250 ke 300kg," katanya yang menoreh di kawasan seluas kira-kira empat hektar.

Bagaimanapun, beliau berkata, penoreh perlu lebih berhati-hati dengan haiwan berbisa memandangkan kawasan ladang yang gelap gelita dengan mereka hanya berbekalkan lampu suluh di kepala.

"Menoreh pada waktu malam bukan perkara baharu kerana ia dilakukan kumpulan penoreh di sini setiap kali tiba musim panas," katanya.

Bagi penoreh, Mohd Nor Hamid, 75, dia biasanya keluar menoreh bersama dua rakannya selepas waktu Isyak hingga awal pagi.

"Waktu siang sekarang ini panas, jadi boleh menoreh sehingga jam 10 pagi sahaja. Kalau waktu malam boleh dapat lama sikit sebab sejuk, jadi waktu siang kami boleh berehat dan banyak duduk di rumah sahaja," katanya.

# Tanah sawah kering, merekah akibat El Nino

**Alor Setar:** Cuaca panas akibat fenomena El Nino dijangka memberi kesan kepada kawasan sawah yang bergantung sepenuhnya kepada sumber air hujan dan air bukit untuk memulakan musim tanaman baharu.

EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata kebanyakan sawah terletak di luar kawasan tanaman Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Jelasnya, terdapat petak sawah di luar kawasan MADA dilaporkan sudah mengalami masalah tanah merekah berikutan ketiadaan sumber air mencukupi untuk pengairan.



Abdul Rashid Yob

"Di Kedah kita ada kira-kira 20,000 hektar sawah di kawasan luar MADA, mereka juga antara penyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Begitu juga sawah di negeri lain, terdapat kawasan sawah di Melaka contohnya turut terkesan dengan cuaca panas sekarang.

"Saya dimaklumkan ada pesawah di luar MADA mula alami tanah sawah merekah kerana tiada hujan, jadi keadaan ini membimbangkan untuk mereka memulakan tanaman musim seterusnya, jika cuaca panas berterusan tanpa hujan, kita khuatir merea akan menangguh jadual penanaman padi," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, cuaca yang terlalu panas ketika ini juga mengakibatkan ramai pesawah terpaksa mengehadkan aktiviti kerja di sawah.

Katanya, ramai pesawah memilih keluar ke sawah awal, iaitu selepas Subuh dan kembali ke rumah pada jam 10 pagi sebelum kembali semula ke sawah pada jam 5 petang.

"Waktu antara jam 1 tengah hari hingga 2 petang sangat panas, kita akui aktiviti di sawah agak terganggu, kita nasihatkan pesawah untuk jaga kesihatan kerana ramai pesawah ini berusia 50-an ke atas. Mereka agak berisiko untuk terkena strok haba.

"Bagaimanapun bekalan air untuk sawah di kawasan MADA tidak banyak terjejas dan kini sudah lebih 10 peratus padi sudah dituai," katanya.

Sementara itu, Abdul Rashid berharap agensi berkaitan seperti MADA, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) dan lain-lain agensi dapat membuat persediaan untuk menghadapi fenomena El Nino yang dijangka lebih buruk pada 2025.

Katanya, perancangan lebih awal perlu dilakukan dari sekarang agar bekalan air mencukupi untuk pertanian.

"Kita bimbang apabila musim tanaman lewat dimulakan akibat taburan hujan berkurangan, maka ia akan memberi kesan kepada musim seterusnya dan ini boleh menyebabkan masalah lebih besar.

"Pada masa sama kita juga bimbang berlaku kekurangan dan kelewatan benih padi seperti yang berlaku sebelum ini. Jadi agensi berkaitan pertanian ini kena bertindak segera dan lebih proaktif selesaikan masalah pesawah," tegasnya.



*Kawasan sawah di Jalan Langgar kering dan merekah akibat cuaca panas ketika ini.* (Foto Zullaty Zulkiffli/BH)

# Sanusi rancang keluar Beras Kedah

**Sungai Petani:** Kerajaan negeri merancang mengeluarkan produk Beras Kedah untuk dijual pada harga lebih murah berbanding kadar pasaran makanan ruji itu ketika ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata pihaknya sedang merangka kaedah pengeluaran beras berkenaan bagi membolehkan rakyat negeri ini dapat membelinya pada harga lebih murah.

"Kita cuba cari jalan untuk wujudkan Beras Kedah untuk rakyat negeri ini seperti Kerajaan Terengganu wujudkan Beras Ganu untuk rakyat mereka," katanya.

Beliau ditemui selepas menyertai program Kayuhan Amal Menteri Besar dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) di sini, kelmarin.

### Cuba cari jalan

Muhammad Sanusi berkata, rakyat Kedah sepatutnya dapat membeli beras pada harga lebih murah berbanding pasaran kerana negeri itu menyumbang lebih 40 peratus pengeluaran beras negara.

"Sepatutnya perkara ini dapat dilaksanakan di Kedah sebab kita pengeluar beras, tetapi rakyat termasuk petani yang mengusahakan sawah padi terpaksa beli beras pada harga mahal.

"Kalau nak laksanakan sekarang mungkin kementerian berkaitan tak benarkan, tetapi kita akan cuba juga cari jalan untuk laksanakan perkara ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# El Nino: KADA tambah 150 pam *'backward'*

**KOTA BHARU** - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengambil langkah awal menambah 150 pam *'backward'* sebagai persediaan menangani masalah kekurangan bekalan air di kawasan penanaman padi sekiranya berlaku fenomena El Nino.



MUHAMMAD

Pengerusi KADA, Muhammad Husain berkata, persiapan dilakukan menerusi perbelanjaan peruntukan KADA berjumlah RM200,000.

Menurutnya, KADA hanya menunggu makluman daripada pesawah yang memerlukan pam tersebut untuk dihantar ke kawasan mereka.

"Sebanyak 86 unit pam *'backward'* dibekalkan tahun lalu dan tahun ini ditambah lagi menjadikan keseluruhan 236 pam *'backward'*.

"Tahun lalu, masalah timbul dulu baru tindakan diambil, sebaliknya tahun ini kami buat persiapan awal sebelum berlaku El Nino," katanya pada Majlis Amanat Tahun Baharu Pengerusi KADA di Ibu Pejabat KADA, di sini, pada Ahad.

Turut hadir Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa.

# Tiada empangan punca prestasi KADA rendah

**KOTA BHARU** - Ketiadaan empangan dan penyusutan jelapang antara punca prestasi hasil padi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ketinggalan berbanding tiga agensi pertanian negara lain.

Pengerusinya, Muhammad Husain berkata, KADA adalah kawasan jelapang padi kedua terbesar negara selepas Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan dari segi prestasi hasil padinya melepasi paras purata nasional iaitu 4.1 tan metrik per hektar.

Bagaimanapun katanya, jumlah itu masih ketinggalan berbanding hasil Jelapang Barat Laut Selangor iaitu 4.32 tan metrik per hektar manakala MADA dengan 4.24 tan metrik per hektar dan Jelapang Pulau Pinang iaitu 5.05 tan metrik per hektar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | THE STAR | NATION | 6 |

# Kada invests in 150 new pumps

**KOTA BARU:** An additional 150 units of pumps are being used this year by the Kemubu Agricultural Development Authority (Kada) to overcome the anticipated water supply challenges caused by the El Nino phenomenon.

Its chairman, Muhammad Husin, said these pumps would be deployed according to farmers' current needs, covering 26,000 hectares of padi fields across six Kada padi planting districts.

"This year, we are adding 150 units of backward pumps, involving an allocation of RM200,000 to supplement the existing 86 pumps.

"We have communicated this initiative to farmers, and we are awaiting feedback on areas requiring these pumps," he told reporters after the Kada chairman's New Year's message ceremony at its headquarters here yesterday.

He added that Kada has also received an allocation of RM500,000 from the Agriculture and Food Security Ministry to provide approximately 100 tube wells for areas still reliant on this method, Bernama reported.

In a related development, Muhammad said that while Kada stands as the second-largest padi cultivation area in the country, its yields still lag behind, averaging 4.1 metric tonnes per hectare compared to the northwest Selangor padi fields with 4.32 metric tonnes.

He said one of the factors contributing to the lower rice production in Kada was the lack of a systematic irrigation system.

"At present, Kada does not have reservoirs to contain or store water supplies, unlike other areas equipped with reservoirs for irrigation systems," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/2/2024 | SINAR HARIAN | BISNES | 30 |

PERBANKAN

# Agrobank main peranan penting dalam agromakanan

**KENINGAU** - Agrobank memainkan peranan penting dalam membantu memperkukuh ekosistem agromakanan melalui pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada peladang, penternak, nelayan serta pemain industri itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, sebagai bank pembangunan, Agrobank dipertanggungjawab dalam memperkukuh keterjaminan makanan melalui aktiviti penawaran pembiayaan.

Beliau berkata, Agrobank menawarkan pembiayaan bukan sahaja untuk pertanian malah setiap aktiviti dalam rantaian nilai sektor itu sejajar dengan aspirasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara am serta kerajaan khususnya.

"Kesimpulannya, Agrobank memainkan peranan penting dalam membantu ekosistem agromakanan dengan menyediakan pembiayaan, sokongan perniagaan, khidmat konsultasi, rangkaian industri dan sokongan inovasi.

"Ini membantu menyokong perkembangan sektor agromakanan serta pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kempen Sambutan Tahun Baharu Cina Agrobank 2024 di sini pada Sabtu malam. - *Bernama*